


DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your  
visual creativity*

# DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic Partners:



Lembaga Muzium Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand



Far Eastern University Philippines



Hanseo University Korea



كليات التقنية العليا  
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021  
by the Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim  
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim  
                  : Syahrini Shawalludin  
                  : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim  
                  Faryna Mohd Khalis

ISBN            978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan  
          Juaini Jamalludin  
          Syahrini Shawalludin  
          Siti Fairuz ibrahim  
          Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)  
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid  
5-3-18, The Promenade,  
Permaisuri Mahsuri,  
11950, Bayan Baru,  
Pulau Pinang, Malaysia  
sinaranbros.digital@gmail.com

# Khairi Karim

## Patung



**Patung** adalah sesuatu entiti yang khususnya menggambarkan sesebuah objek, dan objek pula adalah sesuatu yang hanya dapat disentuh atau dilihat. Inilah kisah karya seni yang ingin disampaikan tentang manusia yang dipandang dan dianggap seperti sebuah patung. Ia tampak cantik dan indah pada luarannya tanpa lut sinar untuk melihat dalamannya. Manusia yang sentiasa diperlakukan seperti patung, akur dengan kata-kata, dan ikut segala kehendak. Tidakkah kita sedar betapa sakitnya si patung yang tidak diberi sedikit ruang mahupun peluang untuk berbicara.

Kini sudah terlambat, komunikasi tidak lagi menjadi utuh untuk dibahas, ceritera cinta ini tidak lagi seperti langkah pertama. Langkah pertama? Pastinya senyum, gelak tawa belaka, tapi kini semuanya hilang seperti ditiup angin, lalu dibawa pergi. Tiada siapa yang ingin memulakan dahulu untuk berdialog, mahupun si pelaku ataupun si patung. Akhirnya ia hanya memakan diri, menyimpan dendam, punah dan retak seribu wahi hati.

Inikah yang dimahukan dalam sinopsis cerita? Bukankah manis itu lebih baik? Mengapa pahit yang diberi? Si pelaku pasti tiada hati, jiwa, raga, perasaan memperlakukan ini pada si patung. Meraba air mata yang mengalir, tidak lagi dipedulikan seperti tiada makna, ia hanya membuang masa. Mengalah lagi, sabar dan tabah yang senantiasa berbisik halus di telinga, disampaikan ke hati dan terus dibawa ke minda demi terus menjaga ikatan ini. Lalu ia berterusan menjadi manusia patung

yang KAKU. Persoalan itu bermain di benak fikiran, dan sehingga kini masih mencari jawapan. Si patung terlupa akan jawapan itu sebenarnya terletak pada dirinya sendiri, tanya pada hati. Apa ini ertinya bahagia atau membahagiakan manusia lain, itu adalah tugas bersama bukan terletak hanya pada sebelah pihak sahaja. Jadi kerjasama dan komunikasi adalah jalan yang dicari, yang perlu digunakan, dilaksanakan bersama. Tercari-cari apa yang kurang, apa lagi yang tidak mencukupi, apa yang masih tidak memuaskan kehendak si pelaku. Kasihan, kasihanlah diri sendiri sebelum mengasihani diri manusia lagi. Terfikir sejenak bahawasanya mementingkan diri sendiri adakalanya bagus dalam sesuatu situasi, walhal itu sama sekali bukan personaliti dirinya.

Terpaksa. Memaksa diri untuk berubah menjadi lebih baik, mencari yang lebih layak untuk menerima dirinya, yang menghargainya sepertimana si patung menghargai dirinya sendiri. Maaf, kadangkala pintu yang telah rapuh tidak dapat dibuka lagi akan tetapi, perkataan 'maaf' itu tidak perlu dihembus dari bibir kerana tiada salah yang perlu dimaafkan. Cukup dengan segala hukuman yang dilemparkan, patung ini bukan mainan untuk dimainkan. Yang melayani seperti tiada hati, selepas habis dihina, dipujuk semula hanya untuk mengisi kebosanan. Sakit ini masih tertusuk di kalbu, seperti bunga yang tidak akan mekar selepas layu.

Menjelaskan hubungan bentuk dan makna dalam karya ini, adalah berkonsepkan seni visual digital yang menggunakan teknologi digital sebagai medium untuk representasi perbentukan patung yang telah diolah dan

menjadi watak utama pada karya ini. Wataknya dihidupkan dengan mengisahkan tentang seorang manusia yang merasakan dirinya seolah-olah dilayan seperti patung. Ibarat sebuah patung yang tidak mampu bergerak dan tidak mempunyai perasaan, manusia tersebut merasakan dirinya diperlakukan sebegitu teruk dan dipergunakan sesuka hati sesuai kehendak si pelaku.

Bentuk figura yang diatur dengan kedudukan tidak seimbang memberi makna jiwa kacau yang tidak tenteram dengan kecelaruan ceritera ini. Lakaran garisan yang muncul melambangkan reaksi mimik muka yang terikat dan redha akan racun yang telah ditelan, malah aliran garisan itu menceritakan perjalanan cerita ini. Penggunaan warna menonjolkan keadaan suram dan seram untuk memberanikan diri ke langkah seterusnya. Pengecut! Itulah kata-kata yang menggambarkan rona pada karya ini, kekal dengan pendirian zon selesa dan takut untuk menerima kenyataan dengan mencuba campakkan warna-warni yang pasti lebih baik dari rona itu.



**KHAIRI KARIM**  
PATUNG

Digital Visual Art  
594 mm x 420 mm  
(@khairikarims)

khairikarim@uitm.edu.my

**DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION**



ISBN 978-967-2948-13-1

